

Headline	Hoki KLHC juara Divisyen Premier		
MediaTitle	Kosmo		
Date	20 Feb 2017	Language	Malay
Circulation	197,202	Readership	875,000
Section	Sukan	Page No	61
ArticleSize	162 cm ²	Journalist	MUHAMMAD
PR Value	RM 12,661		



Hoki: KLHC juara Divisyen Premier

Oleh MUHAMMAD ZUHAILY BADLISHAH

KELAB Hoki Kuala Lumpur (KLHC) muncul juara baharu Divisyen Premier Liga Hoki Malaysia (MHL) musim ini.

Ia hadir selepas berjaya menewaskan juara tiga kali berturut-turut, Pasukan Hoki Terengganu (THT) 3-2 pada aksi terakhir liga di Stadium Hoki Lembah Pantai, Kuala Lumpur semalam.

Kemenangan itu membolehkan KLHC melonjak ke tangga teratas liga dengan 36 mata, tiga mata mengatasi THT yang terpaksa berpuas hati dengan naib juara.

Pada aksi tersebut, KLHC tidak perlu menunggu lama untuk membuka tirai jaringan menerusi gol padang Dedy Ariyadi Jumaidi seawal minit ketujuh.

Ia tidak bertahan lama apabila pakar flick dari Korea Selatan, Jang Jong Hyun memanfaatkan pukulan sudut penalti untuk menyamakan kedudukan 1-1 buat THT berselang dua minit kemudian.

Ia merupakan jaringan ke-23 Jong Hyun sepanjang 14

perlawanan liga musim ini dengan 18 gol pukulan sudut penalti dan lima menerusi pukulan stroke.

KLHC yang dikendalikan Muhammad Harun Al-Rashid Samri berjaya meledak gol kedua menerusi jaringan padang Nabil Fiqri Mohd. Noor pada minit ke-43.

THT bagaimanapun berjaya menyamakan kedudukan 2-2 menerusi Tengku Ahmad Tajuddin Tengku Abd. Jalil hasil daripada pukulan sudut penalti pada minit ke-51.

Anton Poul Fritz muncul wira buat KLHC apabila meledak gol kemenangan 3-2 menerusi pukulan sudut penalti pada penghujung perlawanan tersebut.

Sementara itu, Universiti Kuala Lumpur (UniKL) mengesahkan tempat ketiga Divisyen Premier MHL musim ini selepas menang tipis 1-0 ke atas Tenaga Nasional Berhad (TNB) semalam.

Gol kemenangan skuad kendalian Arul Selvaraj itu diperoleh menerusi pukulan sudut penalti yang disempurnakan oleh Muhammad Najmi Farizal Jazlan pada minit ke-12.